

**FOREX: Ringgit Ditutup Tinggi Berbanding Dolar US**  
**Bernama**  
**22 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Ringgit ditutup lebih tinggi berbanding dolar US apabila para pelabur menghimpun pegangan ringgit masing-masing selepas cuti Hari Raya, kata para peniaga.

Di tempat lain, mata wang Asia, seperti won dan dolar Singapura menurun berbanding euro berikutan jangkaan bahawa pembuat dasar Eropah akan menangani krisis hutang rantau itu.

Ringgit meningkat berbanding dolar US kepada 3.1190/1215 daripada 3.1300/1330 pada Jumaat.

Ia meningkat berbanding dolar Singapura kepada 2.4922/4958 daripada 2.4994/5020 Jumaat lepas dan mengukuh berbanding yen kepada 3.9291/9346 daripada 3.9391/9453 pada hari dagangan sebelum itu.

Bagaimana pun, ringgit menurun berbanding pound British kepada 4.9275/9326 daripada 4.9191/9248 pada Jumaat dan turun berbanding euro kepada 3.8891/8928 daripada 3.8712/8755 pada minggu lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689273>